

Cemarkan air di Lata Besen, ancam aktiviti ternak ikan air tawar

Pembalakan di Hutan Jerantut

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

JERANTUT – Penguasaha ternakan ikan kolam di Kampung Baharu dan Kampung Binjai akan berdepan kerugian besar sekiranya rayuan mereka agar aktiviti pembalakan di kawasan hutan Lata Besen di sini dihentikan tidak dipedulikan pihak berwajib.

Jika penebangan balak di dalam kawasan Hutan Simpan Jerantut Tambahan itu diteruskan, sebanyak 130 buah kolam ternakan ikan pelbagai spesies komersial dan 20 buah kolam pembenihan ikan akan musnah.

Ahli Parlimen Jerantut, Ahmad Nazlan Idris berkata, aktiviti tersebut didapati telah menyebabkan sungai berdekatan menjadi keruh terutama selepas hujan lebat kelmarin.

“Bagaimana hidupan air (ikan) dapat hidup jika air berkeladak dan masalah ini akan menjejaskan sumber rezeki penternak ikan air tawar di sini.

“Saya tidak menolak masalah pencemaran air sungai itu akibat aktiviti pembalakan. Aktiviti tersebut perlu mematuhi prosedur operasi standard selain perlu dilakukan jauh daripada kawasan pengairan dan sumber bekalan air,” ujarinya kepada pemberita ketika meninjau keadaan di kawasan kolam ikan di Kampung Baharu di sini semalam. Ahmad Nazlan berkata, pihaknya menggesa pihak berwajib meneliti semula aktiviti pembalakan di kawasan tersebut sama ada mematuhi undang-undang atau sebaliknya dan



SEORANG penduduk menunjukkan air lumpur dari laluan lori balak yang mengalir masuk ke Sungai Besen di Lata Besen, Kampung Baharu, Jerantut kelmarin.



AHMAD NAZLAN (kanan) bersama Saifulnizam (kiri) menunjukkan sampel air keruh dari Sungai Besen di Kampung Baharu, Jerantut semalam.

memastikan kawasan hijau di Lata Meraung, Sungai Kiol dan hutan Lata Besen tidak diganggu.

Sementara itu, Pengurus Projek Pembenihan Air Tawar Kampung Baharu, Saifulnizam Sulaiman, 29, berkata, penternak di situ akan kehilangan pendapatan apabila ikan berkenaan tidak mampu hidup di habitat air berkeladak dan ka-

wasan air tercemar.

“Lokasi kolam di sini yang menjadi pusat rekreasi memancing dalam kalangan penduduk daerah ini turut terjejas dan kami menanggung kerugian yang banyak malah mungkin hilang sumber rezeki selepas ini.

“Sumber air Sungai Besen ke kolam ternakan ikan di sini sudah tercemar selepas hujan lebat

semalam (kelmarin) dan hari ini (semalam) berikutan kerja awal membina jalan balak oleh pihak kontraktor di hutan berkenaan,” katanya.

Menurut Saifulnizam, beliau akan kehilangan pendapatan bulanan sebanyak RM20,000 apabila tidak dapat memasarkan ikan spesies tilapia dan patin ke sekitar pasar dan pemborong kawasan Pahang Barat.

Seorang lagi penternak ikan air tawar, Harun Arrasyid Abu Bakar, 52, berkata, pengusaha ternakan bergantung sepenuhnya kepada air bukit Lata Besen yang disalurkan ke kolam sejak projek itu bermula 12 tahun lepas.

“Bukan sahaja kami pengusaha ternakan ikan akan rugi malah hasrat belia kampung ini untuk melebarkan projek ternakan sebagai sumber pendapatan akan terbantut dan mereka juga akan kehilangan pekerjaan di pusat rekreasi memancing di sini,” katanya.



JENAZAH Mohd. Zulkephli selamat tiba di KLIA, Sepang semalam.

Jenazah Duta Besar Malaysia selamat tiba di tanah air

PUTRAJAYA – Jenazah Duta Besar Malaysia ke Switzerland, Allahyarham Datuk Mohd. Zulkephli Mohd. Noor selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini kira-kira pukul 5.25 petang ini.

Jenazah Mohd. Zulkephli (**gambar kecil**) dibawa pulang dengan menaiki pesawat Lufthansa Airlines LH872 dari Switzerland sebelum dibawa ke Masjid Sultan Abdul Samad, Sepang untuk disembahyangkan.

Jenazahnya dikebumikan di Tanah Perkuburan Kita, Muar, Johor malam tadi.

Ketibaan jenazah Allahyarham ke tanah air disambut Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Hadir sama Menteri Besar Perlis, Azlan Man, Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Othman Hashim dan Duta Besar Switzerland ke Malaysia, Michael Winzap.

Allahyarham Mohd. Zulkephli, 57, meninggal dunia ketika bertugas di Berne, Switzerland pada pukul 6.38 pagi waktu tempatan pada 3 Februari lalu.

